

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HFA 101 Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI
DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. SATU [1] soalan dari setiap bahagian.

Bahagian A

SAMA ADA

1. Mengikut Socrates, sekiranya manusia mempunyai ilmu, maka dia tidak akan mencari ilmu dan sekiranya manusia tidak berilmu, dia tidak dapat mencarinya kerana dia tidak akan mengetahui apa yang hendak dicari. Apakah penyelesaian Socrates kepada masalah tersebut? Jelaskan dan bincangkan secara analitik penyelesaian Socrates kepada masalah tersebut.

ATAU

2. Mengikut Plato, ilmu mestilah mengenai yang tetap, kekal dan sempurna. Tetapi dunia kita terdiri dari benda-benda yang tidak tetap, senantiasa berubah dan tidak sempurna. Bagaimanakah Plato menyatakan manusia boleh memperolehi ilmu sekiranya ini adalah keadaan dunia kita? Jelaskan dan bincangkan secara analitik penyelesaian Plato kepada persoalan tersebut dan juga kekuatan dan kelemahan pandangan Plato mengenainya.

.../2

Bahagian B

SAMA ADA

3. Mengikut Kant "though our knowledge begins with experience, it does not follow that it all arises out of experience" atau "walaupun ilmu manusia bermula dengan pengalaman, ini tidak bermaksud bahawa semua ilmu manusia terbit dari pengalaman." Berasaskan teori ilmu Kant, jelaskan dan bincangkan secara analitik maksud pernyataan ini.

ATAU

4. Mengikut Sartre "man is condemned to be free" atau "manusia tidak ada pilihan melainkan terpaksa bebas". Jelaskan dan bincangkan secara analitik maksud ungkapan Sartre ini. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Sartre? Sila beri alasan untuk pandangan anda.

Bahagian C

SAMA ADA

5. Ibn Sina dikenali sebagai ahli falsafah pertama mengemukakan konsep wajib al-wujud atau Necessary Existence. Jelaskan dan bincangkan secara analitik konsep ini serta kepentingannya dalam pemikiran falsafah Islam.

ATAU

6. Berasaskan Kitab fasl al-maqal Ibn Rushd, apakah pandangan beliau mengenai falsafah dan apakah kesimpulan beliau mengenai falsafah dan agama?

.../3

Bahagian D

SAMA ADA

7. Bagaimanakah Sankara memahami pernyataan Upanisad "ayam atma brahma" yang bermaksud "Atma ini adalah Brahman"? Jelaskan dan bincangkan secara analitik pandangan Sankara mengenainya dan perbezaan pandangan beliau dengan ahli falsafah Vedanta yang lain.

ATAU

8. Berasaskan pendedahan anda kepada falsafah Yunani, Barat Moden, Islam dan India, apakah persamaan yang telah anda dapati dalam tradisi-tradisi falsafah tersebut dan apakah pula perbezaan di antara mereka? Sila beri contoh-contoh khusus untuk menunjukkan faktor-faktor persamaan dan perbezaan yang anda bentangkan.

--oo00oo--

